

Teruskan legasi perniagaan keluarga

Serdang: Berbekalkan resipi istimewa datuk yang mahir dalam pengurusan makanan suatu ketika dahulu mendorong Muhammad Anfal Zainudin, 23, untuk meneruskan legasi perniagaan menjual kuah rojak dan sos walaupun masih bergelar pelajar universiti.

Pelajar tahun ketiga jurusan Pembangunan Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu melihat peluang luas dalam perniagaan makanan walaupun sebelum ini pernah berjinak-jinak mengusahakan spa bergerak juga melalui legasi keluarganya.

"Saya melihat peluang menjual makanan terutama kuah rojak dan rojak buah mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan."

"Tidak kira masa, cuaca ataupun musim, rojak buah boleh dimakan pada bila-bila masa mendorong untuk saya serius dalam penjualan kuah rojak dan rojak buah di dalam kawasan universiti," katanya kepada *BH Varsity*.

Menyediakan dua jenis produk

tempatan iaitu *King MarBehLoz Sauce* dan *Myla Strawberry Chilli Sauce*, Muhammad Anfal mengambil langkah dengan membuka sebuah gerai di Nasi Kandar Pintu Lima, UPM dengan penjualan rojak buah sebagai menu utama mendapat sambutan baik.

Katanya, walaupun terpaksa mengambil masa untuk memulakan perniagaan setiap hari, dia bertuah dibantu keluarga terutama ayahnya yang akan membuat persediaan sebelum perniagaan bermula setiap Isnin hingga Sabtu.

"Setiap pagi, saya dan ayah akan memastikan buah-buahan atau bahan lain dalam keadaan baik termasuklah melakukan kerja mencuci dan memotong buah."

"Jika saya ada kuliah, ayah akan menjaga gerai. Ahli keluarga lain juga akan membantu jika mereka mempunyai masa dan kelapangan," katanya.

Ditanya akan cara pembahagian masa antara perniagaan dengan akademik, Muhammad Anfal berkata, dia bertuah kerana melanjutkan pengajian di

UPM yang menyediakan Pusat Pembangunan Keusahawanan Kebolehpasaran Graduan (CEM) dalam usaha membantu golongan pelajar sepertinya dalam bidang keusahawanan.

"Banyak perkara yang saya pelajari melalui CEM kerana kami diberi pendedahan ilmu keusahawanan secara percuma dan mereka juga memastikan kami dapat mengimbangi antara pelajaran dengan perniagaan yang dijalankan."

"Apa yang saya perlu lakukan adalah sentiasa berusaha memajukan diri dan saya turut membuka peluang kepada orang ramai untuk menjadi rakan kongsi dan ejen," katanya yang turut menjual rojak buah tauhu goreng, rojak buah tempe goreng, tauhu goreng, aiskrim colek dan sengkung calit.

Mohd Anfal menunjukkan produk yang dijual bersempena Bulan Keusahawanan Siswa 2029 di UPM, baru-baru ini.

